

**Kuala Lumpur:** Warga asing di Jalan Silang, Lebuah Pudu dan Kota Raya atau lebih dikenali dengan jolokan Mini Dhaka seolah-olah tidak serik apabila masih berniaga walaupun sering diserbu pihak berkuasa.

Tinjauan mendapati peniaga warga asing terbabit menjual sيره, manisan dan rokok seludup menjelang waktu tengah hari.

Pemerhatian mendapati lebih lima peniaga asing berniaga di tepi kaki lima berhadapan beberapa premis di kawasan berkenaan.

Sebaik sahaja gambar mereka dirakam lensa kamera, peniaga warga asing terus memasuki premis dan meninggalkan barangan dijual.

Pemandu teksi, Abdul Malek Md Said, 58, menyifatkan isu warga asing berniaga di kawasan itu tidak berkesudahan walaupun sering diserbu pihak berkuasa.

Katanya, tindakan penguatkuasaan diambil lokasi seperti di Mini Dhaka ini dilihat tidak menyeluruh.

“Memang dia (pihak berkuasa)

menjalankan operasi atau tindakan, tapi kenapa masih lagi berniaga sampai sekarang. Kelihatan (tindakan itu) tidak ada kesan,” katanya.

Menurutnya, tindakan tegas perlu diambil pihak berkuasa terhadap peniaga asing haram seperti dilakukan di negara jiran, Singapura.

“Selain itu, penguatkuasaan juga seharusnya berterusan. Jadi, peniaga asing haram ini takut dan



ANTARA peniaga asing berniaga di tepi kaki lima berhadapan beberapa premis di kawasan berkenaan.

## Peniaga haram Mini Dhaka tak serik walau kerap diserbu

mereka tak nak langgar peraturan lagi,” katanya.

Pekerja teknologi maklumat, P Raja Suriya, 31, berkata, tindakan peniaga asing haram di lokasi berkenaan menjejaskan pemandangan di lokasi tumpuan pelancong.

Katanya, warga asing yang masih berniaga di lokasi pernah diserbu itu

juga menyebabkan kawasan itu menjadi kotor disebabkan barang jualan mereka.

Oleh itu, dia mencadangkan pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mem-

peringkatkan rondaan dan penguatkuasaan di kawasan *hotspot* seperti di Jalan Silang, Lebuah Pudu dan Kota Raya yang menjadi tumpuan warga asing.

“Undang-undang perlu diperketatkan. Jika berniaga tanpa lesen, sita barang atau premis mereka,” katanya.



TINJAUAN mendapati peniaga warga asing menjual sيره, manisan dan rokok seludup menjelang waktu tengah hari.

“  
Jika berniaga  
tanpa lesen, sita  
barang atau  
premis mereka  
Raja Suriya